

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU (TUARAN)**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah penemuan "Special Task Force" yang dipertanggungjawabkan memberi jawapan "Where is Pastor Raymond Koh and Amri Che Mat"

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi kes penculikan Raymond Koh dan Amri Che Mat, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat semula kes kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri bin Che Mat. Siasatan bagi kes Pastor Raymond Koh akan dilaksanakan setelah selesainya perbicaraan di mahkamah. Pasukan Petugas Khas ini diberi mandat selama 6 bulan mulai 1 Julai 2019.

Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memaklumkan kepada umum mengenai status kes-kes ini memandangkan pasukan ini masih dalam tindakan menyiasat. Laporan dan syor kepada Kerajaan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu.